

UMSKAL kunjungi pesakit kanak-kanak di Hospital Labuan

NST 8.7.2014 8

Labuan: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan kunjungan ke wad pesakit kanak-kanak Hospital Labuan, pagi Ahad.

Kunjungan amal itu di ketuai oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali bersama-sama pegawai-pegawai kanan universiti untuk menyampaikan sumbangan berupa hamper kepada 13 pesakit kanak-kanak yang dirawat di hospital tersebut.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdulla berkata kunjungan dan sumbangan itu sebagai tanda prihatin pihak universiti kepada pesakit kanak-kanak yang menerima rawatan atas pelbagai

masalah kesihatan.

Selain itu ia juga katanya, sebagai tanggungjawab sosial korporat UMSKAL yang menjadi satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan.

" Kami berharap sumbangan itu dapat menceriakan kanak-kanak yang sedang dirawat di Hospital Labuan, " katanya ketika ditemui di wad pesakit kanak-kanak Hospital Labuan.

Dr Ismail berkata program itu sebagai mengimarahkan bulan Ramadan sambil beramah mesra dengan jururawat di wad kanak-kanak tersebut.

" Saya mengucapkan terima kasih kepada jururawat yang menjaga dan mengawasi kanak-kanak serta pesakit lain di hospital tersebut,

but, " katanya.

Terdahulu, beliau bersama Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Hal Ehwal Pelajar, Sharifah Ismail mengunjungi Pengarah Hospital Labuan, Dr Rameswaran Muthu di pejabatnya.

Turut menyampaikan sumbangan itu ialah Pustakawan Kanan, Baharin Entoh, Penolong Pendaftar Kanan, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Norhanizah Adnan, dan Penolong Bendahari, Mohd Nazir Abd Manan.

Hadir sama Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil dan Penolong Jurutera Kanan, Md. Azrie Ag Tanjong. OLEH JAINUDIN DJIMIN



SUMBANGAN....Dr Ismail menyampaikan hamper kepada pesakit kanak-kanak sempena kunjungan UMSKAL ke Hospital Labuan, kelmarin